Mingguan Katolik
HERALD

Tetapi tentang zaman dan masa, saudara-saudara, tidak perlu dituliskan kepadamu, kerana kamu sendiri tahu benar-benar, bahawa hari Tuhan datang seperti pencuri pada malam. Apabila mereka mengatakan: Semuanya damai dan aman — maka tiba-tiba mereka ditimpa oleh kebinasaan, seperti seorang perempuan yang hamil ditimpa oleh sakit bersalin — mereka pasti tidak akan luput.

1 Tesalonika 5:1-3

November 15, 2026 www.heraldmalaysia.com



Gereja harus jadi tempat perlindungan orang miskin

VATIKAN: Gereja harus menjadi tempat golongan miskin diterima, didengari dan dihargai, tegas Sri Paus Leo XIV dalam perutusannya sempena Hari Orang Miskin Sedunia ke-10 yang disambut pada November 15, 2026.

Bertemakan "Tuhan ialah tempat perlindungan orang miskin" (Mzm 14:6), perutusan itu menyeru umat menilai kesungguhan mereka mendampingi golongan terpinggir serta memperjuangkan keadilan dan pemulihan martabat manusia.

Perutusan sempena Hari Orang Miskin Sedunia itu bertarikh Jun 13, 2026, bersempena Peringatan Sto Antonius dari Padua.

Sri Paus menegaskan bahawa perhatian terhadap golongan miskin merupakan unsur penting dalam kehidupan Gereja. Sabda Tuhan menyingkapkan wajah Allah yang penuh belas kasihan, selain mengingatkan manusia tentang kemiskinan dan keterbatasan dirinya.

Menurut beliau, ketidakadilan sosial terus berkembang akibat rasuah, keangkuhan serta sikap yang mengabaikan kebaikan dan belas kasihan Tuhan.

Apabila kepentingan diri mengatasi penghormatan terhadap sesama, hubungan manusia berubah menjadi penguasaan dan penindasan.

Golongan miskin menjadi pihak pertama yang menanggung akibatnya. Mereka bukan sahaja kehilangan keperluan asas, malah suara dan identiti mereka turut dipinggirkan.

Sri Paus turut memberi perhatian kepada dunia digital yang boleh memperkukuh prasangka terhadap golongan miskin serta menebalkan sikap tidak peduli terhadap penderitaan mereka.

Pelbagai cara yang semakin halus digunakan untuk membisukan tuntutan keadilan sehingga kesusahan mereka tidak mendapat perhatian sewajarnya.

Namun, dalam keadaan tertindas dan tidak berdaya, mereka tetap berseru kepada Tuhan dengan keyakinan bahawa Dia mendengar. Penyerahan kepada-Nya membangkitkan semula kesedaran tentang martabat diri, persaudaraan dan pengharapan.

Kristus hadir dalam kemiskinan manusia

Sri Paus menjelaskan bahawa perlindungan Tuhan menjadi nyata dalam diri Yesus Kristus. Melalui penjelmaan-Nya, Putera Allah mendekati manusia dan berkongsi kemiskinan mereka hingga ke salib.

Dalam Gereja, Tubuh-Nya, Kristus menawarkan makanan dan persahabatan, membuka ruang pengharapan serta memulihkan martabat setiap insan.

Mereka yang kehilangan rumah, pekerjaan, pendidikan, makanan atau kesihatan harus menemukan kasih-Nya melalui kesaksian umat Kristian.

Sehubungan itu, komuniti Kristian tidak boleh berdiam diri terhadap mereka yang berada di ambang pintu tetapi tidak dipedulikan kerana umat terlalu tertumpu pada kehidupan sendiri.

Merujuk Seruan Apostolik *Dilexi Te*, Sri Paus mengingatkan bahawa Gereja yang setia kepada Kristus harus memberikan tempat istimewa kepada golongan kecil serta berjalan bersama mereka dalam semangat kemiskinan.

Bapa Suci turut mengajak umat melakukan pemeriksaan batin: adakah mereka benar-benar menjadi tanda perlindungan Tuhan, mendatangi golongan miskin, mendengar pandangan mereka dan berkongsi harapan mereka?

Kasih yang dihulurkan, katanya, perlu membangkitkan serta menyokong kerinduan mereka terhadap keadilan dan pembebasan.

Bantuan tidak seharusnya berhenti pada pemberian material, tetapi turut membina hubungan yang mengembalikan maruah dan rasa diterima.

Mendengar dan belajar daripada mereka

Sri Paus menegaskan bahawa pelayanan tidak harus membahagikan komuniti secara kaku antara pemberi dengan penerima bantuan. Setiap insan berharga, membawa anugerah tersendiri dan menjadi pemberian kepada sesama.

Pengalaman kemiskinan juga menjadikan seseorang lebih peka terhadap penderitaan orang lain. Justeru, golongan miskin sendiri mampu menjadi tempat perlindungan dan sumber solidariti bagi mereka yang menghadapi kesukaran.

Sempena ulang tahun ke-800 kewafatan Sto Fransiskus dari Assisi, Sri Paus Leo mengenang tindakan santo itu bertukar pakaian dengan seorang pengemis ketika berziarah ke Roma.

Fransiskus kemudian menghabiskan sehari bersama golongan miskin untuk mengalami sendiri keadaan mereka.

Teladan tersebut mengajak umat mendengar dan memahami kehidupan golongan miskin, bukan sekadar bercakap tentang mereka.

Kerendahan hati dan persaudaraan dapat membantu menyembuhkan dunia yang dilukai keangkuhan.

Sri Paus berharap sambutan tahun ini mendorong komuniti menemukan semula wajah saudara-saudari yang merindukan perlindungan Tuhan dan rasa diterima sebagai keluarga.

Bapa Suci menyeru umat agar kekal setia kepada Sabda Tuhan yang menuntut pertobatan hati serta memohon pengantaraan Bonda Maria agar kasih Tuhan terus dinyatakan kepada mereka yang lapar dan tersisih.

Media Vatikan

Cinta dan benci

Lawan kasih bukanlah kebencian, tetapi sikap tidak peduli. Kebencian ialah kasih yang tersasar, dan betapa mudahnya hal itu berlaku.

D.H. Lawrence pernah menulis sebuah puisi berjudul *Sejarah*, yang berbunyi seperti berikut:

Keindahan lesu saat itu
Ketika salji mula menyelimuti pohon epal
Dan abu kayu bertimbun di perapian
Sedang kita menghadapi derita pertama.

Kemudian cahaya mentari tengah hari melimpah
Ketika gunung-ganang,
bagai kereta perang,
Berbaris untuk bertempur di kebiruan — dan kau serta aku
Menghitung parut-parut kita.

Lalu pada suatu ketika
yang asing dan kelabu
Kita berbaring, bibir bertemu bibir,
wajahmu
Di bawah wajahku bagai bintang
di permukaan tasik
Dan aku meliputi bumi serta seluruh ruang.

Waktu yang sunyi terus berlalu
Pagi berganti pagi
Dan malam mengalir menuju malam
Namun tiada laluan yang terjejak.

Hidupmu dan hidupku, kekasihku
Terus berlalu, kebencian
Semakin erat berpadu dengan kasih
Hingga akhirnya keduanya menyatu.

Pada permulaan setiap hubungan kasih, sama ada romantik ataupun tidak, harapan terhadap kasih itu terikat pada cita-cita kemurnian, hubungan timbal balik dan sikap saling menghormati.

Setiap kasih yang sejati bermula dengan keyakinan bahawa kali ini kita akan menjalaninya dengan baik, tidak mengulangi kesilapan lalu dan mampu mengekalkan keindahannya.

Pada peringkat awal, cita-cita itu dipelihara secara spontan, sebagaimana kita menghormati insan yang dikasihi.

Pada tahap tarikan, saling memikat dan kemabukan cinta, kasih berakar dalam imaginasi puitis.

Secara kiasan, kasih menyarungkan pakaian putih, melambangkan kemurnian dan segala yang terbaik dalam diri kita. Kasih seolah-olah mengenakan pakaian pembaptisan kerana merasakan bahawa akhirnya, di sinilah kelahiran semula akan berlaku.

Jatuh cinta mempunyai potensi yang amat besar untuk menghidupkan dan memulihkan seseorang.

Pengalaman itu mewarnai semula seluruh dunia. Seperti yang pernah dikatakan oleh novelis terkemuka Iris Murdoch: "Dunia boleh berubah dalam lima belas saat apabila anda jatuh cinta."

Namun, seperti yang kita ketahui, dalam lima belas saat atau lima belas tahun, dunia juga boleh berubah menjadi dingin, gelap dan penuh kemarahan.

Kebanyakan kita tidak akan mati seperti Romeo dan Juliet, ketika masih dikuasai keghairahan ilahi yang membahagiakan dan membakar jiwa, yang kita namakan "jatuh cinta". Dalam keadaan itu, mati demi cinta terasa seperti pengorbanan yang sanggup kita lakukan.

Bagaimanapun, peredaran masa, keakraban, perbezaan, kegelisahan, ketidakmatangan lama, harga diri yang terluka, hati yang mula tertarik kepada orang lain serta sikap mementingkan diri lambat-laun menghakis keindahan tersebut.

Dahulu, kita tidak pernah puas meluangkan masa bersama. Kita sanggup menelan kepedihan dan mengetepikan ego, malah seperti Romeo dan Juliet, rela mati demi satu sama lain.

Kini, kita mula menghitung parut, membiarkan hubungan hanyut dan tidak lagi seperti dahulu mencari jalan untuk mendekati pasangan. Kebencian mula berpadu dengan kasih, rasa terkilan menyusup masuk dan perlahan-lahan kita kembali menjalani kehidupan seolah-olah bersendirian.

Melalui puisi ini, D.H. Lawrence menggambarkan dengan begitu tajam bagaimana kasih boleh kehilangan kemurnian, keghairahan ilahi dan tujuan sucinya secara beransur-ansur tanpa disedari, bahkan ketika kasih itu masih diluahkan dengan penuh keintiman.

Beliau tidak merujuk kepada proses sihat yang sememangnya terkandung dalam dinamika kasih — suatu "malam gelap jiwa" yang mendesak kita menuju kematangan, melampaui kemabukan cinta, khayalan dan sikap mementingkan diri.

Sebaliknya, beliau merujuk kepada penyakit yang boleh menyusup ke dalam hubungan apabila, atas apa-apa sebab sekalipun, keakraban mula melahirkan penghinaan dan sikap tidak menghormati, sehingga cita-cita yang mencetuskan kasih itu hilang.

Milan Kundera pernah mengatakan bahawa apabila gagasan yang menjadi asas sesuatu kasih itu mati, kasih itu turut mati. Lebih tepat lagi, kasih itu tidak mati, tetapi mula berpadu dengan kebencian.

Kasih sejati sentiasa berasaskan kemurnian, hubungan timbal balik dan sikap saling menghormati. Dalam lubuk hati, kita menginginkan perkara yang benar dan terbaik; kita tidak mahu mencemarkan apa yang kita kasihi. Hal ini merangkumi jauh lebih banyak perkara daripada hubungan seksual semata-mata.

Apabila kita pertama kali mengucapkan "Aku mencintaimu" dengan tulus, hati kita terikat pada suatu cita-cita, impian, gambaran kasih ilahi dan kemurnian yang berakar pada segala yang terbaik dalam diri kita.

Namun, apabila kita mula mengkompromikan cita-cita itu melalui apa-apa bentuk sikap tidak menghormati atau ketidaksetiaan, kita mula tergelincir menuruni cerun licin yang digambarkan oleh Lawrence. Ketika itu, tiada ungkapan keintiman, termasuk hubungan seksual, yang dapat dengan mudah memulihkan impian asal kasih tersebut.

Tanpa disedari, kasih kita mula berbaring bersama kebencian sehingga kita tidak lagi dapat membezakan keduanya. Hubungan kita kemudian menimbulkan rasa terkilan sebanyak kegembiraan, dan tidak lama kemudian kita mendapati diri menjadi asing antara satu sama lain.

Ketika dibaptis, kita dikenakan pakaian putih sebagai lambang kemurnian. Kata-kata yang diucapkan mengingatkan kita bahawa pakaian putih itu ialah tanda zahir martabat batin kita, dan cabarannya ialah membawa martabat tersebut tanpa noda ke dalam kehidupan kekal.

Namun, melainkan kita meninggal dunia pada usia muda, hal itu bukanlah tugas yang mudah.

Walau bagaimanapun, makna yang dilambangkan oleh pakaian pembaptisan harus menjadi impian puitis bagi setiap hubungan kasih dalam kehidupan kita, berserta cabaran untuk membawa kasih itu pulang kepada Tuhan tanpa dicemari kebencian. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026@Fr Ron Rolheiser**

HARI MINGGU BIASA KE-33 TAHUN A

AMSAL 31:10-13, 19-20, 30-31
1 TESALONIKA 5:1-6
INJIL MATIUS 25: 14-30
(atau 25: 14-15,19-21)



Tidak perlu sempurna untuk bermula

Di sebuah paroki, seorang ibu datang lebih awal setiap minggu untuk menyusun kerusi dan membersihkan ruang ibadat. Dia kurang mahir berucap atau memimpin nyanyian.

Apabila diminta membantu, dia sekadar berkata, "Saya buat apa yang saya mampu." Pelayanannya jarang disebut, tetapi kerusi yang tersusun dan ruang yang bersih membantu umat berdoa dengan selesa. Melalui tangannya, tugas biasa menjadi persembahan kasih kepada Tuhan.

Teladan sederhana ini membantu kita memahami pembacaan hari ini. Tuhan mengurniakan sesuatu kepada setiap orang.

Nilainya tidak semata-mata terletak pada besarnya kemampuan kita, tetapi pada kesetiaan mengusahakannya. Ada yang mampu memimpin, ada yang mendidik, ada yang mendengar dengan sabar. Semuanya dapat membuahkan kebaikan apabila digunakan dengan kasih.

Dalam pembacaan pertama, Kitab Amsal menggambarkan seorang isteri yang cekap, rajin bekerja dan murah hati.

Tangannya bukan sahaja mengusahakan keperluan keluarga, tetapi turut dihulurkan kepada orang miskin. Keindahan hidupnya berpunca daripada sikap takut akan Tuhan, yakni penghormatan dan kesetiaan kepada-Nya.

Pujian terhadapnya mengingatkan kita bahawa iman nyata melalui pekerjaan harian dan kepekaan terhadap keperluan sesama.

Injil pula menampilkan seorang tuan yang mempercayakan hartanya kepada tiga orang hamba sebelum berangkat. Seorang menerima lima talenta, seorang dua dan seorang lagi satu, masing-masing menurut kemampuannya.

Pada zaman itu, talenta merupakan ukuran nilai harta yang besar. Bahkan hamba yang menerima satu talenta sebenarnya menerima kepercayaan yang amat bernilai.

Dua orang hamba segera mengusahakan harta tersebut dan memperoleh hasil. Hamba ketiga pula menggali tanah lalu menyembunyikan wang tuannya.

Apabila tuan itu kembali, kedua-dua hamba yang setia menerima pujian yang sama. Walaupun jumlah keuntungan berbeza, kesetiaan mereka dihargai sepenuhnya. Tuhan tidak meminta kita menghasilkan sesuatu di luar kemampuan yang dikurniakan-Nya

Namun, hamba ketiga membiarkan ketakutan menentukan tindakannya. Dia melihat tuannya sebagai seorang yang keras, lalu memilih untuk menyimpan tanpa mengusahakan.

Hartanya tidak hilang, tetapi tidak membuahkan apa-apa. Sikapnya mengajak kita memeriksa diri: adakah ketakutan terhadap kegagalan, kritikan atau kekurangan diri menyebabkan kita menolak kesempatan untuk berbuat baik?

Kadangkala kita berkata, "Saya tidak pandai," sebelum mencuba. Kita membandingkan diri dengan orang yang lebih berbakat, lalu menganggap sumbangan sendiri tidak bermakna.

Ada juga yang menangguhkan pelayanan sehingga mempunyai lebih banyak masa, wang atau keyakinan. Tanpa disedari, penangguhan itu menjadi tanah tempat kita menanam anugerah Tuhan.

Kesetiaan tidak bermaksud memenuhi setiap permintaan atau bekerja sehingga mengabaikan keluarga dan kesihatan.

Kesetiaan menuntut kebijaksanaan untuk mengenali tanggungjawab serta melaksanakannya dengan jujur. Seorang ibu yang mendidik anak, pekerja yang menolak penipuan, belia yang menemani sahabat kesunyian dan warga tua yang tekun berdoa sedang mengusahakan anugerah masing-masing.

Sto Paulus mengingatkan umat Tesalonika bahawa mereka ialah anak-anak terang. Oleh itu, mereka harus berjaga dan sedar.

Kesiapsiagaan Kristian bukan kegelisahan meneka bilakah Tuhan datang, tetapi kesediaan hidup dalam terang-Nya hari ini. Kita berjaga dengan menjaga hati, menunaikan tanggungjawab dan menyambut peluang mengasihi yang hadir di hadapan kita.

Melalui doa dan Ekaristi, Tuhan memelihara hubungan kita dengan-Nya serta memberi kekuatan untuk melayani. Kita tidak perlu menunggu menjadi sempurna sebelum bermula.

Dengan rahmat-Nya, kita boleh belajar daripada kesilapan, menerima bimbingan dan mencuba lagi. Yang penting ialah hati yang sanggup menjawab kepercayaan Tuhan melalui tindakan.

Minggu ini, pilihlah satu anugerah yang selama ini kurang digunakan. Mungkin masa untuk mendengar ahli keluarga, kemahiran membantu paroki atau keberanian menghubungi seseorang yang memerlukan perhatian.

Usahakanlah dengan rendah hati. Pada akhirnya, kita berharap mendengar sapaan Tuhan: "Baik sekali perbuatanmu itu, hai hambaku yang baik dan setia." Suka-cita itu lahir daripada kehidupan yang menerima kasih Tuhan dan membagikannya. **Fr Martinus Arian, Pelita Iman**

Refleksi PUKAT-13



perkongsian iman dan tindakan pastoral

KENINGAU: Semangat saling mendengar, penglibatan generasi muda dan pembinaan komuniti yang mengambil peduli menjadi tumpuan Bual Bicara Refleksi PUKAT-13 yang disiarkan melalui Radio Online Kekitaan Keuskupan Keningau pada Oktober 21.

Pertemuan Umat Katolik Keuskupan Keningau kali ke-13 atau PUKAT-13 telah berlangsung pada Oktober 8–11 di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal. Bual bicara ini menjadi ruang untuk mengimbas pengalaman sepanjang perhimpunan tersebut, meneliti dapatan serta berkongsi harapan agar semangat kebersamaan, saling mendengar dan mengambil peduli terus dihayati dalam pelayanan di setiap paroki.

Dikendalikan oleh DJ Mell, program itu menampilkan Uskup Cornelius Piong, Andre Justin, wakil dari belia Katedral St Francis Xavier dan dan Patrick Marius, Pengerusi Tim Pastoral Keuskupan Keningau, untuk berkongsi pengalaman serta harapan susulan pertemuan peringkat keuskupan tersebut.

Uskup Cornelius menyifatkan setiap PUKAT sebagai kesempatan untuk bersyukur atas kesediaan umat, khususnya belia, berjalan bersama dalam membincangkan hala tuju pastoral keuskupan.

Menurut ketua Keuskupan Keningau itu, pertemuan besar itu menjadi ruang menilai pelaksanaan perancangan terdahulu, mengenal pasti kelemahan serta memperbaiki pelayanan agar selaras dengan visi, misi dan matlamat keuskupan.

Prelatus itu turut melihat perkembangan positif dalam pemahaman umat tentang Gereja. Pemahaman yang semakin matang membantu mereka mengambil bahagian dalam membina komuniti yang komited dan berkesan melayani kerajaan Tuhan.

Sementara itu, Patrick menyatakan bahawa pengalaman paling bermakna baginya ialah kesediaan peserta mendengar dengan hati terbuka di bawah bimbingan Roh Kudus.

Menurutnya, proses tersebut mengajak peserta mencari makna iman di sebalik perkongsian sesama, selain mengenal pasti apa yang ingin disampaikan Tuhan kepada komuniti.

Beliau mengibaratkan penilaian pastoral seperti memeriksa dan membaiki pukat sebelum kembali menangkap ikan. Umat perlu berhenti sejenak, berhening bersama Tuhan dan meneliti perjalanan pelayanan sebelum meneruskan langkah.

Patrick berpuas hati dengan penglibatan aktif lebih 470 peserta PUKAT-13, khususnya dalam perbualan rohani, meskipun kehadiran tidak mencapai sasaran 500 orang.

Beliau menjelaskan bahawa semua pandangan diterima dan inti patinya akan dirangkum dalam dokumen akhir sebagai panduan pastoral.

Andre, yang pertama kali menyertai PUKAT, menghargai persahabatan dan penglibatan belia dalam kepimpinan pastoral.

Beliau menyeru umat membina komuniti yang menerima sesama tanpa menghakimi serta mendekati mereka yang terpinggir atau menghadapi kesukaran. Beliau turut berharap agar dapatan PUKAT-13 disusuli tindakan dan memperkukuh kepimpinan yang melibatkan semua generasi.

Salah seorang peserta, Bonia Emin menyifatkan kehadiran Salib Solidariti sebagai antara kelainan PUKAT-13 yang mengingatkannya kepada Salib Konvensi Pastoral Malaysia (MPC).

Sementara itu, Anna Theresa dari Keuskupan Sandakan, yang hadir untuk belajar dan mendapatkan inspirasi, berkongsi bahawa PUKAT-13 menyedarkannya bahawa pelayanan ialah panggilan, bukan sekadar jawatan. Melalui pembaptisan, setiap umat mengambil bahagian dalam misi Kristus sebagai Nabi, Imam dan Raja — suatu panggilan yang tidak mempunyai tarikh luput.

Bengkel ACJC perkasakan peranan paroki jaga ciptaan Tuhan

KOTA KINABALU: Komisi Keadilan Ciptaan Tuhan (ACJC) Keuskupan Agung Kota Kinabalu menganjurkan Bengkel "CJC VMOS dan Garis Panduan Paroki Ekologi" pada Oktober 31, 2026.

Bengkel tersebut menghimpunkan penyelaras dan ahli jawatankuasa Komiti Keadilan Ciptaan Tuhan dari paroki-paroki sekitar keuskupan agung bagi memperkukuh peranan serta merancang pelayanan sesi 2027–2029, selaras dengan visi, misi dan objektif komisi.



Program dimulakan dengan doa pimpinan Fr Peter Chung, diikuti tiga sesi utama: "Pengenalan VMOS PCJC" oleh Sr Calista Soliun, "Garis Panduan Paroki Ekologi" oleh Puan Claudia Lasimbang dan "Borang Penilaian Kendiri Asas untuk Paroki" oleh Susan Pudin.

Peserta turut membincangkan pelaksanaan penilaian kendiri di paroki masing-masing sebagai persediaan merancang aktiviti pelayanan.

Selepas makan tengah hari, mereka melawat kawasan Pusat Latihan PACOS untuk melihat kemudahan penghasilan kompos serta kebun organik di pusat tersebut.

Doa ialah nadi evangelisasi

KUALA LUMPUR: Lebih 100 umat dari pelbagai paroki di Keuskupan Agung Kuala Lumpur berhimpun bagi mengikuti Saat Teduh Misionari yang julung kali diadakan di Gereja Our Lady of Fatima, Brickfields, pada Oktober 16, 2026.

Program itu dianjurkan oleh Misi Evangelisasi Baharu untuk Kristus Keuskupan Agung (AMNEC) dengan kerjasama pihak paroki dan Pelayanan Doa Keuskupan Agung.

Paderi Paroki Gereja Our Lady of Fatima, Fr Andrew Manickam memulakan Saat Teduh dengan pentakhtaan Sakramen Mahakudus, diikuti doa Angelus.

Dalam ucapan alu-aluannya, Penyelaras AMNEC, Andrew Lim mengajak umat berjaga bersama Yesus, berdoa untuk sesama, memohon bagi karya misi serta membenarkan Yesus mengutus mereka.



"Doa ialah nadi evangelisasi. Melalui kuasa Roh Kudus, doa kita dapat membantu membuka hati, mengukuhkan iman dan membawa orang lain lebih dekat kepada Yesus," katanya.

Fiorentina Anne dan Marilyn membimbing umat berdoa dan merenung selama satu jam bersama Yesus berasaskan Markus 14:37–38.

Dalam keheningan, umat mendoakan keluarga, belia, mereka yang jauh daripada Tuhan serta karya misi, AMNEC, Pelayanan Doa Keuskupan Agung, para misionari dan Gereja di Malaysia.

Umat diajak merenungkan panggilan peribadi serta langkah nyata untuk bermisi, bermula dengan mendoakan dan mendampingi ahli keluarga, rakan sekerja serta mereka yang memerlukan perhatian dan sokongan.

Umat digalakkan mendoakan dan mendampingi sesama atau menyertai pasukan doa syafaat AMNEC. Saat Teduh Misionari diakhiri dengan berkat Sakramen Mahakudus, disusuli Misa Kudus yang dirayakan oleh Fr Andrew bersama Pembantu Gerejawi AMNEC, Fr Edwin Peter.

Mereka yang berminat menyertai pelayanan AMNEC sebagai pewarta melalui doa boleh menghubungi 013-754 3519 atau 012-331 3997.

Keningau lancar protokol paroki ekologi

KENINGAU: Memulihkan tanah, menyemai harapan dan mewariskan bumi yang subur kepada generasi akan datang menjadi seruan pelancaran Kempen Menjana Semula Tahun kedua dan Protokol Paroki Ekologi Keuskupan Keningau pada Oktober 18, 2026.

Dirasmikan oleh Uskup Cornelius Piong di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon, kempen tahun kedua bertemakan "Menjana Semula Harapan untuk Ekosistem Tanah" mengajak umat memulihkan dan memelihara tanah melalui penanaman pokok serta amalan mesra alam.

Dalam amanatnya, Uskup Cornelius berharap agar inisiatif Komiti Keharmonian Alam Ciptaan Tuhan (KACT) diterima dan dilaksanakan di setiap paroki serta mission bagi mewujudkan keharmonian alam ciptaan.

Beliau menggalakkan umat menyumbangkan kemahiran dan kebolehan masing-masing, sambil menegaskan peranan keluarga dalam mendidik anak-anak mengasihi alam semula jadi serta mengelakkan perbuatan yang merosakkan persekitaran.

Pengerusi Komisi KACT, Lissa Johannes menjelaskan bahawa Protokol Paroki Ekologi membimbing paroki dan mission menjaga alam secara terancang melalui pengasingan sisa, penanaman pokok dan penghijauan kawasan Gereja.

Kempen dan protokol itu saling melengkapi dalam memulihkan ekosistem tanah serta membentuk Gereja Hijau, sekali gus memperkukuh komitmen umat menjadikan penjagaan ciptaan sebahagian daripada kehidupan iman.



Sahabat kecil Yesus



Hamba pertama menerima lima talenta,
hamba kedua menerima dua talenta
dan hamba ketiga menerima satu talenta.
Apabila tuan mereka kembali, berapakah talenta yang dimiliki oleh setiap hamba? Warnakan syiling mengikut arahan di bawah dan tulis berapa talenta pada ruangan yang diberikan.

Hamba pertama



Warnakan syiling bergambar wajah dengan warna emas/kuning.

_____ talenta

Hamba kedua



Warnakan syiling berhuruf dengan warna perak/kelabu.

_____ talenta

Hamba ketiga



Warnakan syiling bertitik dengan warna gangsa/oren.

_____ talenta

Mengusahakan Talenta

Sejauh manakah kamu mengenali perumpamaan dalam Injil hari ini? Tuliskan nombor 1 hingga 6 di dalam kotak mengikut urutan cerita yang betul.



Jawapan: 1 (D); 2 (B); 3(E); 4 (C); 5 (A); 6 (F)

Helo anak-anak,

Tuhan memberikan bakat kepada setiap orang, iaitu kebolehan melakukan sesuatu dengan baik.

Dalam perumpamaan hari ini, Yesus menceritakan seorang tuan yang memberikan sejumlah besar wang kepada tiga orang hambanya. Wang itu disebut talenta. Dua orang hamba mengusahakan talenta mereka lalu memperoleh lebih banyak lagi. Namun, seorang lagi menyembunyikan talentanya tanpa menggunakannya. Apabila tuan itu kembali, dia memberikan ganjaran kepada hamba yang mengusahakan talenta mereka, tetapi menghukum hamba yang tidak berbuat demikian.

Ada orang mempunyai banyak bakat dan mampu melakukan pelbagai perkara yang baik.

Ada pula yang hanya mahir dalam beberapa perkara. Walau apa pun kebolehan kamu, Tuhan mahu kamu melakukan yang terbaik.

Anak-anak, apakah perkara yang kamu pandai lakukan? Apakah pula perkara yang kurang kamu kuasai?

Daripada terlalu memikirkan perkara yang tidak mampu kita lakukan, lebih baik kita menggunakan kebolehan yang ada dengan gembira demi Tuhan!

Anak-anak, gunakanlah bakatmu untuk membantu keluarga, menggembirakan kawan dan melayani di Gereja.

Perbuatan kecil yang dilakukan dengan kasih juga sangat berharga di mata Tuhan!

Salam sayang
Antie Melly

BELIA

Diteguhkan oleh Roh Kudus, dipanggil untuk melayani





LAHAD DATU: Seramai 200 calon menerima Sakramen Krisma dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Datuk Julius Dusin Gitom di Gereja St Dominic pada November 1, 2026.

Melalui kurnia Roh Kudus, para krismawan diteguhkan untuk bertumbuh dalam iman, berani bersaksi tentang Kristus serta mengambil bahagian secara aktif dalam pelayanan Gereja.

Penghargaan diberikan kepada barisan katekis pembimbing paroki, ibu bapa, penanggung dan semua pihak yang membantu mempersiapkan para penerima Sakramen Krisma.

Penerimaan sakramen ini diharapkan mendorong para krismawan terus menghayati dan mewartakan kasih Kristus.

Pesta belia di Tanah Suci



YERUSALEM: Di tengah-tengah sebuah wilayah yang dilanda perpecahan dan penderitaan, golongan muda dari Vikariat St James — komuniti umat Katolik berbahasa Ibrani di bawah Patriarkat Latin Yerusalem — berhimpun bersama belia dari paroki-paroki lain di seluruh Tanah Suci pada hujung minggu untuk menyertai pesta tahunan mereka.

Perhimpunan itu menawarkan pengalaman rohani yang mendalam serta peluang untuk menemukan semula makna menjadi satu Gereja yang melangkaui segala perpecahan.

Melampaui luka dan penderitaan

Merenungkan makna perjalanan tersebut, Vikar Patriarkal bagi umat Katolik berbahasa Ibrani di Israel, Fr Piotr Zelazko menyoroti luka dan kesukaran yang membelenggu kehidupan harian serta hati golongan muda di Tanah Suci. Dalam keadaan itu, tiada sesiapa pun terlepas daripada penderitaan.

"Penyakit yang melanda masyarakat kita, luka dan konflik benar-benar mengubah kita. Mengapa saya mengatakan 'kita'? Walaupun saya orang asing, saya sudah tinggal di sini hampir 20 tahun dan berasa sebahagian daripada masyarakat ini. Saya menganggap Israel sebagai 'rumah saya', tetapi saya juga tidak terlepas daripada luka-luka ini," tegasnya.

Luka peperangan membebani jiwa belia

Menurut Fr Zelazko, peperangan dan pengalaman pahit meninggalkan luka serta beban emosi mendalam dalam diri belia. Kesunyian dan ketakutan boleh menenggelamkan suara mereka, meskipun kerinduan terhadap perdamaian dan persaudaraan tetap hidup. Namun, kurangnya sokongan masyarakat menyukarkan mereka mengatasi penderitaan dan merealisasikan harapan tersebut.

Iman sejati membawa kesatuan

Berhadapan dengan perpecahan mendalam dan penderitaan yang meluas, Fr Zelazko mengimbas pesanan Patriark Latin Yerusalem, Kardinal Pierbattista Pizzaballa kepada golongan muda:

"Ingatlah, jika kamu terus melakukan perkara-perkara yang indah ini, akan ada pihak yang tidak menerimanya dan tidak menyokong apa yang kamu lakukan."

Dalam keadaan sedemikian, keperluan untuk menghayati iman secara sederhana, mendalam dan berakar pada intinya menjadi semakin mendesak.

Berdoa dalam bahasa Arab dan Ibrani

Usaha menuju kesatuan itu berakar dalam Pesta Belia yang tercetus secara spontan. Selepas terpaksa dihentikan akibat konflik, keputusan untuk menganjurkannya semula disertai perkembangan yang tidak dijangka.

Menurut Fr Zelazko, persiapan pesta diteruskan tahun lalu meskipun berlaku peperangan dengan Iran. Gencatan senjata yang menyusul membolehkan acara itu diadakan, sekali gus membangkitkan harapan dan mengukuhkan komitmen mereka.

Keistimewaan acara itu ialah keupayaannya menghimpunkan komuniti Katolik berbahasa Ibrani dan Arab.

Menurut Fr Zelazko, pesta tersebut mungkin menjadi "satu-satunya hari umat Katolik berbahasa Ibrani dan Arab berhimpun bersama, dan mungkin juga satu-satunya tempat di dunia yang menyaksikan kami berdoa dalam bahasa Arab dan Ibrani pada masa yang sama". **Media Vatikan**

37 belia terima Penguatan sempena pesta pelindung St Simon

KOTA KINABALU: Seramai 37 belia menerima Sakramen Penguatan daripada Uskup Agung John Wong sempena perayaan pesta pelindung Gereja Katolik St Simon, Likas, pada Oktober 25.

Dalam homilinya, Uskup Agung John menyeru umat agar menyahut panggilan Kristus melalui kekudusan, doa dan pelayanan.

Prelatus itu mengingatkan bahawa setiap orang Kristian dipanggil untuk menjalani kehidupan yang kudus dengan rahmat Tuhan.



Uskup Agung John mengajak umat meneladani Sto Simon dengan mendekatkan diri kepada Tuhan melalui doa serta menyahut panggilan kepada kekudusan dan pelayanan dengan kuasa-Nya. Seperti para rasul yang diubah oleh Roh Kudus, umat dipanggil melaksanakan misi Kristus.

Merujuk teladan Sta Theresia, beliau menegaskan bahawa perbuatan kecil menjadi bermakna apabila dilakukan dengan kasih yang besar. Misa Kudus itu dirayakan oleh rektor paroki, Fr Michael Modoit dan Fr Cosmas Lee. Dalam perarakan menuju altar, wakil pelbagai kumpulan pelayanan paroki membawa sepanduk masing-masing.

Selepas Misa, umat berkumpul di dewan gereja untuk menikmati jamuan percuma serta mengeratkan persaudaraan.

Berita Antarabangsa

Kasih Kristus penggerak misi Gereja

VATIKAN: "Kasih Kristus mengutus kita" ialah tema yang dipilih oleh Sri Paus Leo XIV untuk Hari Misi Sedunia ke-101 yang akan dirayakan pada hari Minggu, Oktober 24, 2027.

Menurut kenyataan media Bahagian Penginjilan Pertama dan Gereja-gereja Partikular Baharu di bawah Dikasteri untuk Penginjilan, tema itu "menyentuh inti misi Kristian: kasih Kristus, apabila diterima dan dihayati, menjadi daya penggerak untuk mewartakan Injil dan menjadi sesama bagi setiap orang".

Kenyataan itu turut mengingatkan bahawa dalam mesej Hari Misi Sedunia 2026, Sri Paus menegaskan: "Jika kesatuan ialah syarat bagi misi, kasih ialah intinya."

Menurut kenyataan itu, misi Gereja berakar pada kasih Tuhan dalam Kristus yang mendorong persaudaraan dan pelayanan, khususnya kepada mereka yang kesepian, miskin atau menderita.

Mesej Sri Paus Leo bagi Hari Misi Sedunia 2027 akan diterbitkan pada awal tahun hadapan untuk membimbing renungan, jangkauan dan pembentukan misionari komuniti Kristian. **Media Vatikan**

Gencatan senjata kemanusiaan buka ruang dialog di Ukraine

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyeru pihak-pihak yang terlibat dalam perang di Ukraine agar lebih bersedia untuk berdialog dan mengambil langkah nyata demi keamanan.

Dalam amanat Angelus di Dataran Sto Petrus pada November 1, Bapa Suci merujuk operasi pemindahan ratusan orang awam dari bandar Oleshky, Ukraine, yang diduduki Rusia.

Operasi itu dilaksanakan menerusi gencatan senjata kemanusiaan hasil usaha diplomatik yang melibatkan Sri Paus dan Wanita Pertama Amerika Syarikat, Melania Trump. Sri Paus berharap kerjasama yang memungkinkan operasi tersebut dapat membuka jalan kepada dialog dan usaha keamanan selanjutnya.

Selain pemindahan orang awam, bekalan makanan, air minuman dan ubat-ubatan turut dihantar kepada penduduk yang masih berada di Oleshky.

Jumlah sebenar mereka yang dipindahkan tidak didedahkan atas faktor keselamatan, namun Melania menyatakan bahawa lebih 750 orang berpotensi dipindahkan. **Media Vatikan**

450 tahun misi Macau, melangkah ke era digital

MACAU: Suatu ketika dahulu Macau pernah menjadi pangkalan para misionari Katolik yang berangkat untuk mewartakan Injil di Asia. Kini, Gereja di Macau memperingati warisan iman selama empat setengah abad sambil mendepani tuntutan era digital."

Pada Oktober 31, 2026, ribuan umat awam, paderi dan pemimpin Katolik berhimpun di Macau bagi acara kemuncak sambutan ulang tahun ke-450 keuskupan itu, yang berlangsung seiring dengan perhimpunan para uskup dan pengamal komunikasi dari seluruh Asia.

Kedua-dua acara itu diraikan bersama dalam Misa Pontifikal di Forum de Macau, dipimpin oleh Kardinal Luis Antonio G. Tagle, Pro-Prefek Dikasteri untuk Penginjilan Vatikan dan Dekan Kolej Kardinal.

Keuskupan Macau ditubuhkan pada Januari 23, 1576, oleh Sri Paus Gregorius XIII melalui dekri kepausan *Super Specula Militantis Ecclesiae*. Keuskupan itu merupakan keuskupan moden pertama yang ditubuhkan di Asia.

Pada abad-abad awal penubuhannya, Macau menjadi pusat pentadbiran dan pangkalan penyebaran iman Katolik ke seluruh Asia Timur, yang merangkumi China, Jepun, Korea dan pulau-pulau berdekatan. **LiCAS News**

Usahawan Katolik bimbang AI jejas peluang pekerjaan

BANGKOK: Pemimpin perniagaan Katolik dan pakar teknologi di Thailand menyuarakan kebimbangan bahawa kecerdasan buatan (AI) boleh menghapuskan pekerjaan peringkat permulaan, sekali gus mengehadkan peluang golongan profesional muda untuk menimba pengalaman kerja dan membina kerjaya.

Isu itu antara topik utama yang dibincangkan dalam majlis makan malam gala tahunan Eksekutif dan Profesional Perniagaan Katolik (CBEP) di Bangkok pada November 2, 2026.

Majlis tersebut menghimpunkan eksekutif perniagaan, paderi dan pakar teknologi untuk meneliti bagaimana Ajaran Sosial Katolik dapat membimbing dunia perniagaan dalam menghadapi perubahan teknologi yang pesat.

Ditubuhkan sebagai pelayanan awam rasmi pada 1993 dengan kelulusan Uskup Agung Emeritus Bangkok, Kardinal Michael Michai Kitbunchu, CBEP menghubungkan usahawan, eksekutif perniagaan dan golongan profesional Katolik.

Presiden CBEP Thailand, George Varakorn Techamontrikul, menekankan pentingnya memperkukuh jaringan dalam kalangan profesional Katolik serta menterjemahkan iman melalui amalan perniagaan, inisiatif sosial dan sokongan kepada Gereja.

Antara hasil perbincangan dalam majlis itu ialah menggesa majikan menyediakan program bimbingan dan pendedahan di tempat kerja bagi mahasiswa tahun kedua, ketiga dan keempat supaya mereka dapat menimba pengalaman praktikal sebelum memasuki alam pekerjaan secara rasmi. **LiCAS News**

Politik yang adil merawat luka dan membawa harapan



VATIKAN: Penglibatan dalam kehidupan ekonomi dan politik berlandaskan iman Kristian serta Ajaran Sosial Gereja boleh menjadi jalan untuk membina keamanan, kata Sri Paus Leo XIV ketika Audiensi Umum di Dataran Sto Petrus pada November 4, 2026.

Sri Paus menegaskan bahawa politik yang membela mangsa ketidakadilan membawa harapan kepada manusia, sambil mengingatkan kata-kata mendiang Paus Fransiskus bahawa perang ialah kegagalan politik dan kemanusiaan.

Meneruskan katekesis tentang Konsili Vatikan II, beliau merenungkan *Gaudium et Spes* dan menggariskan panduan penglibatan dalam ekonomi serta politik berlandaskan iman Katolik.

Beliau turut menggalakkan golongan muda meneladani mereka yang setia memberikan kesaksian dalam bidang tersebut serta menyeru komuniti Kristian menyediakan pembentukan dalam Ajaran Sosial Gereja.

Komitmen menghapuskan diskriminasi

Menyentuh kehidupan ekonomi, Sri Paus menjelaskan bahawa para Bapa Konsili telah mengenal pasti ancaman terhadap keamanan dunia yang berpunca daripada ketidakseimbangan pembangunan ekonomi yang tidak saksama atau tidak menghormati alam ciptaan. Keadaan ini semakin ketara pada hari ini.

Gaudium et Spes mengingatkan bahawa "kemajuan teknologi semata-mata tidak mencukupi". Sebaliknya, dokumen itu mengemukakan "pandangan Kristian tentang pembangunan ekonomi", iaitu pembangunan yang sentiasa "berkhidmat kepada manusia dan berada di bawah kawalan manusia".

"Seruan untuk berusaha menghapuskan diskriminasi terhadap kelompok masyarakat yang paling rentan dan para migran kini semakin relevan," kata Sri Paus, sambil menegaskan kepentingan dokumen tersebut.

Kerja yang membahayakan kesihatan dan nyawa tidak boleh diterima

Sri Paus Leo menegaskan bahawa pekerjaan sebagai nadi ekonomi harus mengembangkan kebolehan manusia tanpa memudaratkan kesejahteraan bersama atau alam ciptaan.

Pengangguran, eksploitasi dan keadaan kerja yang membahayakan kesihatan serta nyawa tidak boleh diterima. Pekerja juga berhak dan bertanggungjawab mengambil bahagian dalam keputusan yang melibatkan mereka, termasuk melalui kesatuan sekerja.

Ekonomi dan politik demi kesejahteraan semua

Sri Paus mengingatkan bahawa harta dunia diperuntukkan bagi semua. Berpandukan *Gaudium et Spes*, pelaburan dan perancangan ekonomi harus menjamin kehidupan bermaruah serta mengimbangi keperluan masa kini dengan generasi akan datang.

Sri Paus menjelaskan bahawa *Gaudium et Spes* menekankan maruah manusia dan perlindungan hak asasi sebagai asas kehidupan politik demi kebaikan bersama.

Walaupun Gereja dan komuniti politik mempunyai autonomi masing-masing, kedua-duanya boleh bekerjasama mengikut keadaan masa dan tempat untuk melayani manusia serta memperjuangkan kesejahteraan semua. **Media Vatikan**



Tuhan mendakap para arwah dalam kasih-Nya

ROMA: Sri Paus Leo XIV mengunjungi Tanah Perkuburan Campo Verano di Roma pada November 2, untuk merayakan Misa sempena Peringatan Semua Arwah Orang Beriman.

Dalam homilinya, Bapa Suci menjelaskan kaitan peringatan tersebut dengan Hari Raya Semua Orang Kudus yang dirayakan pada November 1, yang menurut beliau memberikan "arah kepada doa kita".

"Kita berpaling kepada Bapa di syurga memohon agar kehidupan dalam kekudusan dan kebahagiaan syurgawi — yang sudah dinikmati oleh begitu ramai putera dan puteri-Nya — turut merangkul jiwa semua yang beristirahat dalam damai."

Prelatus itu mengingatkan umat tentang "janji keselamatan" dalam Kitab Suci, yang menjamin bahawa jiwa orang benar "tidak akan disentuh oleh sebarang seksaan".

Sri Paus menegaskan bahawa Tuhan mendakap mereka yang telah meninggal dunia dalam kasih-Nya. Melalui doa, kita memohon agar mereka menikmati persekutuan hidup yang kekal bersama-Nya.

Bapa Suci menjelaskan bahawa Sabda Bahagia mencerminkan diri Yesus dan membimbing manusia menuju kepenuhan hidup, kini dan selamanya.

Beliau turut mengajak umat mendoakan mereka yang berdukacita, khususnya akibat perang, agar air mata mereka menyentuh hati nurani pihak yang berkuasa menghentikan keganasan.

"Tangan Tuhan yang penuh kebapaan dan teguh mendakap mereka selama-lamanya supaya mereka dapat menikmati sepenuhnya hubungan saling memiliki yang menghidupkan, seperti yang dijanjikan Tuhan kepada umat-Nya," ujar Sri Paus Leo. **Media Vatikan**

Caritas Malaysia perkukuh misi sosial sembilan keuskupan



KUALA LUMPUR: Persidangan Uskup-Uskup Katolik Malaysia (CBCM) menyeru seluruh umat Katolik supaya bersatu dalam memperkukuh Caritas Malaysia sebagai wadah misi sosial kebangsaan yang menyelaras pelayanan serta membawa kasih Kristus kepada semua lapisan masyarakat.

Seruan itu disampaikan menerusi surat pastoral bertajuk "Satu Gereja, Satu Misi Sosial, Satu Malaysia", yang ditandatangani Presiden CBCM, Uskup Agung Dato' Dr Simon Poh, bertarikh November 15, 2026, sempena Hari Orang Miskin Sedunia.

Dalam surat tersebut, para uskup menegaskan bahawa perkembangan ekonomi dan teknologi membawa peluang baharu, namun turut mewujudkan kerentanan yang memerlukan perhatian serta tindakan bersama Gereja.

Surat itu memetik Rasul Paulus yang mengingatkan umat: "Sebagaimana tubuh itu satu, tetapi mempunyai banyak anggota, dan semua anggota tubuh itu, walaupun banyak, merupakan satu tubuh, demikian juga Kristus" (1 Korintus 12:12).

Cabaran seperti jurang digital, kesukaran pekerja gig, nasib migran dan ketidakpastian masa depan golongan belia melangkaui sempadan keuskupan.

Justeru, sembilan keuskupan di Malaysia diajak mempererat kerjasama agar pelayanan sosial dapat dilaksanakan sebagai satu tubuh, berasaskan semangat kesatuan dalam kepelbagaian.

"Kita beralih daripada bekerja secara bersendirian, kepada bertindak sebagai satu tubuh," menurut surat pastoral itu.

Para uskup menjelaskan bahawa pengukuhan Caritas Malaysia bertujuan memperkasakan usaha tempatan, menyelaras tindakan dan menyediakan satu suara Gereja yang bersatu serta berwibawa dalam perbincangan di peringkat kebangsaan.

Langkah tersebut akan menyokong pelayanan yang sudah dilaksanakan di setiap keuskupan, sambil memperkukuh hubungan dan kerjasama dalam menangani keperluan masyarakat.

Perhatian khusus turut diberikan kepada pekerja gig yang berdepan ketidakpastian pekerjaan, migran dan pelarian yang masih terpinggir, serta golongan belia yang menghadapi cabaran dalam ekonomi yang semakin dipacu kecerdasan buatan.

Para uskup mengingatkan bahawa di sebalik angka dan perkembangan ekonomi terdapat insan yang maruah serta kesejahteraannya perlu dibela.

"Semua ini bukan sekadar statistik; mereka ialah saudara-saudari kita," tegas mereka.

Sehubungan itu, umat Katolik diajak menjadi sukarelawan dalam gerakan misi sosial kebangsaan dengan menyumbangkan masa, bakat dan suara mereka.

Para uskup turut menyeru pembaharuan tindakan melalui kreativiti dan semangat pelayanan, khususnya menerusi usaha yang membina pertemuan, kebersamaan dan sikap saling mengambil peduli di bandar serta kampung.

Dalam surat yang sama, CBCM merakamkan penghargaan kepada ribuan umat Katolik yang setia melayani, termasuk sukarelawan yang menyediakan makanan kepada golongan memerlukan, pembela hak migran dan pemimpin belia yang memperkasakan generasi muda.

Dedikasi mereka disifatkan sebagai kesaksian kasih yang nyata serta asas penting bagi perkembangan Caritas Malaysia.

Para uskup turut menegaskan bahawa misi sosial Gereja merangkumi pelayanan kepada seluruh masyarakat tanpa mengira agama, berlandaskan perintah Tuhan untuk mengasihi sesama seperti diri sendiri.

Mengakhiri surat tersebut, mereka mengajak umat mendoakan usaha berkenaan dan bersama-sama membina sebuah negara yang menjunjung maruah setiap insan, agar kasih Tuhan menjadi kenyataan yang dihayati dalam kehidupan masyarakat.

Jus rohani untuk jiwa

Tujuh hemat berbelanja

Tawaran murah dan keinginan memiliki sesuatu yang baharu mudah mendorong kita berbelanja. Belajar mengatakan "cukup" membantu kita mengurus rezeki dengan bijaksana dan mensyukuri pemberian Tuhan.

1. Bezakan keperluan dengan keinginan

Sebelum membeli, tanyakan: "Adakah saya benar-benar memerlukannya atau sekadar tertarik?" Dahulukan keperluan diri dan keluarga.



2. Beri masa sebelum membeli

Tangguhkan pembelian yang tidak mendesak selama 24 jam. Gunakan masa itu untuk menilai kegunaan barang tersebut dan kemampuan kewangan.

3. Hargai barang yang masih elok

Jaga, baiki dan gunakan apa yang sudah dimiliki. Pakaian, kasut atau telefon tidak perlu diganti semata-mata kerana muncul keluaran baharu.

4. Elakkan membandingkan kehidupan

Kemampuan dan tanggungjawab setiap orang berbeza. Apabila tergoda dengan milik orang lain, ingatlah kembali berkat yang Tuhan berikan dalam kehidupan sendiri.

5. Sediakan ruang untuk berkongsi

Ketepikan sebahagian rezeki untuk membantu mereka yang memerlukan. Amalan memberi melatih kita menggunakan harta dengan kasih dan tidak terlalu terikat padanya.

6. Tetapkan had perbelanjaan

Sediakan bajet dan senarai sebelum membeli-belah. Berpegang pada had yang ditetapkan supaya keinginan sementara tidak menjejaskan keperluan keluarga.

7. Bawa keinginan dalam doa

Apabila sukar menahan keinginan membeli, berhenti sejenak dan berdoa. Mohon kebijaksanaan Tuhan untuk membuat pilihan serta hati yang tenang dengan apa yang sudah dimiliki.

Belajar mengatakan "cukup" membentuk hati yang tahu bersyukur. Apabila kita berbelanja dengan bijaksana, kita lebih mampu memenuhi tanggungjawab, menghargai pemberian Tuhan dan berkongsi dengan sesama.

"Walaupun seorang berlimpah-limpah hartanya, hidupnya tidaklah tergantung daripada kekayaannya itu." (Lukas 12:15) **Aleteia**

Penulis jemputan Berkicau

Nyalakan api perutusan

Walaupun sambutan Hari Misi Sedunia 2026 sudah berlalu, panggilan untuk mewartakan Kristus terus menjadi tanggungjawab kita setiap hari. Tema "Satu dalam Kristus, Bersatu dalam Misi" mengingatkan kita bahawa semangat misi perlu terus dihidupi melalui kesatuan hati, kesediaan untuk bekerjasama dan keterbukaan menerima kepelbagaian dalam kehidupan Gereja.

Kesatuan ini mengikat umat beriman merentasi benua, budaya, bahasa dan generasi. Walaupun kita mempunyai latar belakang serta pengalaman yang berbeza, kita dipersatukan oleh iman kepada Kristus dan panggilan untuk memberikan kesaksian tentang kasih-Nya.

Namun, kesatuan tidak semestinya bererti keseragaman. Ada kalanya, usaha mencari perpaduan disertai tuntutan supaya semua orang berfikir, bertindak dan melayani dengan cara yang sama.

Apabila pandangan sendiri dijadikan satu-satunya ukuran, kepelbagaian yang sepatutnya memperkaya kehidupan bersama boleh menjadi punca pertentangan.

Tema ini mencabar kita meneliti sikap sendiri: adakah kita bersedia mendengar, menerima perbezaan dan bekerjasama untuk membawa umat kepada Kristus?

Dalam kehidupan paroki, kepelbagaian bahasa, pendekatan pelayanan dan keutamaan komuniti menuntut sikap saling memahami, berpandukan iman Gereja.

Semoga kita menghayati panggilan pembaptisan dengan menyumbangkan kurnia masing-masing dan mewartakan Kristus dengan sukacita, baik dalam keluarga, masyarakat mahupun tempat kerja.

Dekri Konsili Vatikan II, *Ad Gentes*, memberikan asas yang mendalam untuk memahami panggilan tersebut. Dokumen ini menegaskan bahawa Gereja pada hakikatnya bersifat misionari, kerana berasal daripada perutusan Putera dan Roh Kudus menurut rancangan Tuhan.

Dengan demikian, misi bukan sekadar salah satu daripada pelbagai kegiatan atau kerasulan Gereja. Misi merupakan identiti teras Gereja. Seluruh kehidupan Gereja diarahkan untuk meneruskan karya Kristus, yang datang membawa keselamatan dan mempertemukan manusia dengan kasih Bapa.

Panggilan ini melibatkan seluruh umat Tuhan: para uskup, paderi, religius dan umat awam. Setiap orang yang dibaptis mempunyai tempat serta tanggungjawab dalam karya pewartaan, menurut keadaan hidup dan kurnia yang diterima.

Tidak semua orang dapat meninggalkan keluarga atau pekerjaan untuk menjadi misionari di tempat yang jauh. Namun, keterbatasan itu tidak menghalang kita daripada mengambil bahagian dalam misi Gereja.

Kita boleh menyokong para misionari melalui doa dan sumbangan serta memberikan kesaksian melalui kejujuran, kesabaran dan keprihatinan terhadap sesama. Tindakan sederhana seperti mendengar mereka yang berdukacita, membantu yang kesusahan dan menerima perbezaan membolehkan kasih Kristus dialami secara nyata.

Misi ini ialah misi Tuhan. Dengan bimbingan Roh Kudus, kita dipanggil melayani dengan rendah hati. Ad Gentes mengingatkan Gereja untuk mengikuti jalan Kristus dalam kemiskinan, ketaatan, pelayanan dan pengorbanan diri, serta menyelaraskan pewartaan dengan kehidupan.

Ketika usaha kurang dihargai atau hasil belum kelihatan, doa dan kehidupan sakramental menguatkan kita untuk terus setia mengasihi dan melayani.

Hari Misi Sedunia mungkin sudah berlalu, tetapi api perutusan mesti terus menyala. Dari altar ke rumah, dari bangku gereja ke tengah masyarakat, setiap kita diutus membawa terang Kristus.

Biarlah perbezaan memperkaya kesaksian kita dan kesatuan memperteguh langkah kita, agar dunia mengenali kasih-Nya melalui kehidupan kita. Satu dalam Kristus, bersatu dalam misi—hingga ke pelosok dunia, bermula di tempat kita berdiri hari ini. **John Cham**

Mari dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada ***liza@herald.com.my atau WhatsApp: 019-8500956.***

Mingguan Katolik
HERALD

PERMOHONAN DOA SRI PAUS (NOVEMBER)

DEMI PENGGUNAAN KEKAYAAN YANG BIJAKSANA

Marilah kita berdoa agar kekayaan digunakan dengan bijaksana, tanpa menyerah kepada godaan sikap mementingkan diri, sebaliknya sentiasa dimanfaatkan demi kebaikan bersama dan semangat solidariti dengan golongan yang kurang bernasib baik.

November 15, 2026



Sto Carlo Acutis diisytihar penaung belia dan mahasiswa UPSI

TANJUNG MALIM: Gereja Most Holy Redeemer, Perak telah mengadakan Misa Hari Para Kudus dengan penuh makna, menghimpunkan para umat, pelajar universiti, serta anggota Komuniti Kristian Dasar (BEC) tempatan.

Sebagai sebahagian daripada perayaan tersebut, para pelajar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama beberapa belia paroki mempersembahkan watak beberapa orang kudus muda Gereja dengan memakai pakaian simbolik yang menggambarkan kehidupan serta kesucian mereka.

Antara yang ditampilkan ialah Sto Carlo Acutis, Sta Maria Goretti, Sto Francisco dan Sta Jacinta Marto dari Fatima, Sto Pier Giorgio Frassati, Sto Tarsisius dari Roma, Sta Filomena dari Itali, Sta Cecilia dari Roma, Sta Agnes dari Roma dan Sto Pedro Calungsod dari Filipina.

Pemilihan para orang kudus ini dibuat kerana mereka merupakan teladan kesucian yang unggul, khususnya sebagai anak muda yang berani mempertahankan iman mereka.

Kehidupan mereka mencerminkan keberanian, kesetiaan kepada Injil, serta komitmen untuk hidup dalam kasih Tuhan, nilai-nilai yang menjadi inspirasi besar bagi para belia masa kini.

Untuk memperkukuhkan pemahaman umat tentang kehidupan serta keutamaan heroik mereka, Diakon Isaac dalam khutbahnya memperkenalkan secara ringkas teladan para orang kudus ini.

Fokus utama adalah kehidupan Sto Carlo Acutis yang dikenali sebagai "Putera Ekaristi," seorang remaja yang menggunakan kemahiran digitalnya untuk menyebarkan mukjizat Ekaristi. Iman yang sederhana namun mendalam, kasihnya kepada orang miskin, dan kesetiaannya kepada doa menunjukkan kedewasaan rohani yang luar biasa pada usia mudanya.

Penghayatan watak para orang kudus mengingatkan umat bahawa semua orang, termasuk golongan muda, dipanggil kepada kekudusan melalui iman, kasih dan pengorbanan. Perayaan turut disertai doa dan berkat khas bagi pelajar, belia serta keluarga.

Sambutan diserikan dengan pameran lebih 100 relik kelas pertama, kedua dan ketiga daripada lebih 30 orang kudus, termasuk Sto Antonius dari Padua dan Sta Faustina Kowalska, yang dibawa oleh Pasukan Relik, Komisi Katekетikal Keuskupan Pulau Pinang.

Kemuncaknya ialah pengisytiharan rasmi Sto Carlo Acutis sebagai Sto penaung belia dan mahasiswa UPSI di Paroki Most Holy Redeemer, Tanjung Malim, disertai penampilan patungnya setinggi tiga kaki.

Pihak paroki masih dalam proses permohonan relik Kelas Pertama Sto Carlo Acutis untuk diletakkan di Gereja ini. **Diakon Isaac Alfred Simbun**

Busana simbolik para kudus semarakkan sambutan di Telipok



TELIPOK: Penampilan kanak-kanak dengan pakaian yang melambangkan Bonda Maria serta beberapa orang kudus menyerikan sambutan Hari Raya Semua Orang Kudus di Gereja Holy Family, Telipok.

Mereka mengenakan pakaian simbolik yang menggambarkan Bonda Maria, Sto Fransiskus, Sta Filomena dan Sto Yohanes Paulus II. Penampilan ini menjadi cara yang menarik untuk mendekatkan kanak-kanak kepada teladan iman dan kasih para kudus.

Selepas Misa Kudus, Fr Sylvester bergambar bersama kanak-kanak tersebut sebagai kenangan. Sambutan ini turut mengingatkan bahawa setiap orang, termasuk kanak-kanak, dipanggil untuk hidup kudus melalui doa, kasih dan perbuatan baik setiap hari.



Jubli emas Kuching: bersatu dalam iman, diutus untuk misi

KUCHING: Lebih 2,000 umat Katolik menyertai Misa Kudus dan perarakan Sakramen Mahakudus sempena ulang tahun ke-50 penubuhan Keuskupan Agung Kuching pada Oktober 18, 2026, sebagai tanda kesyukuran atas penyertaan Tuhan sepanjang lima dekad perjalanan Gereja tempatan.

Perayaan di Katedral St Joseph itu dipimpin oleh Uskup Agung Simon Poh, bertepatan dengan sambutan Hari Misi Sedunia ke-100.

Para paderi, religius, pemimpin paroki dan umat dari seluruh keuskupan agung berhimpun untuk meraikan anugerah iman serta memperbaharui komitmen terhadap pewartaan Injil.

Dalam homilinya, Uskup Agung Poh mengingatkan umat tentang visi Keuskupan Agung Kuching, iaitu menjadi Gereja yang terdiri daripada murid-murid Yesus, hidup dalam persekutuan dan diutus untuk melaksanakan misi.

Prelatus itu menegaskan bahawa kehidupan Kristian harus berakar pada iman dan hubungan yang hidup dengan Kristus.

Kesatuan umat pula perlu mencerminkan doa Yesus agar semua menjadi satu, seperti yang dinyatakan dalam Yohanes 17:21.

Menurut Bapa Uskup Simon, panggilan itu turut menuntut kerjasama dengan umat Kristian lain untuk membawa Khabar Gembira kepada sesama, serta dengan semua orang yang berkehendak baik demi kesejahteraan masyarakat.

"Setiap orang yang dibaptis berkongsi tanggungjawab bersama dan sinodal untuk menyebarkan Injil," katanya.

Uskup Agung Simon menjelaskan bahawa misi bermula di tempat umat tinggal dan bekerja.

Setiap orang dipanggil memberikan kesaksian sebagai murid Yesus melalui kehidupan harian, doa serta sokongan terhadap karya evangelisasi.

Meraikan sejarah, menghargai jasa pendahulu

Dalam mengenang sejarah Gereja tempatan, penghargaan diberikan kepada para mubaligh Mill Hill yang tiba pada Julai 10, 1881, dan meletakkan asas perkembangan iman Katolik di Kuching.

Keuskupan Agung Kuching ditubuhkan secara rasmi pada Mei 31, 1976. Sumbangan Uskup Agung pertama, Uskup Agung Emeritus Peter Chung, serta Uskup Agung Emeritus John Ha turut dikenang, bersama pelayanan para paderi, suster dan katekis yang membimbing umat sepanjang perjalanan tersebut.

Uskup Agung Simon mengajak umat meraikan Jubli Emas dengan penuh kesyukuran, sambil meneruskan semangat pengorbanan para perintis yang telah membawa iman kepada mereka.

Pelihara ciptaan, keluarga dan masyarakat

Uskup Agung Simon turut menyeru umat menilai keutamaan hidup dan tidak membiarkan kekayaan, kuasa, kedudukan atau keselesaan mengatasi hubungan dengan Tuhan.

Sebagai penjaga bumi yang diamanahkan Tuhan, umat bertanggungjawab menjaga ciptaan, keluarga dan masyarakat, serta menggunakan masa, bakat dan harta demi kebaikan bersama.

Mengulas ajaran Sto Paulus, beliau menekankan bahawa iman perlu diterjemahkan melalui tindakan, pelayanan dilaksanakan dengan kasih dan harapan dipelihara dengan ketekunan dalam Tuhan.

Uskup Agung Simon mengakhiri homilinya dengan membacakan doa Sri Paus Leo XIV sempena Hari Misi Sedunia, memohon agar seluruh umat bersatu dalam Kristus, terbuka kepada bimbingan Roh Kudus serta berani memberikan kesaksian Injil.

Doa itu turut memohon berkat dan perlindungan bagi para misionari agar terus tekun dalam pelayanan serta menjadi pembawa damai di seluruh dunia.

Kesaksian iman di jalan-jalan bandar raya Kuching

Selepas Misa, umat menyertai perarakan Sakramen Mahakudus sejauh 3.8 kilometer melalui beberapa jalan utama di pusat bandar Kuching.

Antara jalan yang dilalui dalam perarakan dari Katedral St Joseph itu ialah Jalan Tun Abang Haji Openg, Jalan Barrack, Jalan Pearl, Jalan McDougall, Jalan Wayang dan Main Bazaar. Di Padang Merdeka, Uskup Agung Poh mengangkat monstrans untuk memberikan berkat Sakramen Mahakudus kepada bandar raya Kuching dan para hadirin.

Uskup Agung Simon menjelaskan bahawa perarakan tersebut merupakan kesaksian kesatuan Gereja sebagai satu keluarga, selain pengakuan iman terhadap kehadiran nyata Kristus dalam Sakramen Mahakudus.

Sebagaimana umat berjalan bersama dalam perarakan, mereka juga diingatkan bahawa Yesus sentiasa menyertai perjalanan hidup mereka, memberikan kekuatan untuk beriman, mengasihi dan bertekun dalam pengharapan.

Kepelbagaian budaya Gereja tempatan turut terserlah melalui penggunaan bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin, Iban dan Bidayuh dalam perayaan tersebut.

Perayaan diakhiri dengan seruan agar umat terus hidup dalam persekutuan untuk misi, menjadi pembawa damai serta menyalurkan berkat dan belas kasihan Tuhan kepada semua orang.

Jubli Emas itu sekali gus menjadi undangan untuk melangkah ke hadapan sebagai Gereja yang bersatu, berdoa dan melayani.